

Kematian akibat denggi meningkat

Naik 50 kes berbanding tempoh sama tahun lalu

Oleh Petah Wazzan Iskandar
wazzan@bharian.com.my

GERGETOWN: Jumlah kematian akibat demam denggi di seluruh negara sehingga semalam, meningkat 50 kes berbanding tempoh sama tahun lalu, kata Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin.

Beliau yang juga Ketua Pergerakan Puteri UMNO berkata, sehingga semalam 43,477 kes dicatatkan di seluruh negara dengan 128 kematian berbanding tahun lalu iaitu 37,205 kes dengan 78 kematian.

“Selangor mencatatkan jumlah kes denggi tertinggi iaitu 15,520 kes dengan 43 kematian diikuti, Johor, 4,127 kes dengan 11 kematian dan Sarawak, 4,061 kes dengan 14 kematian, manakala Pulau Pinang mencatatkan 1,611 kes dengan enam kematian. “Negeri paling rendah ia-

lah Wilayah Persekutuan Labuan dengan hanya 17 kes tanpa ada kematian,” katanya.

Beliau ditemui selepas merasmikan Kempen Basic Life Saving Training anjuran Pergerakan Puteri UMNO Bahagian Bukit Gelugor dan Kolej Kejururawatan Murni (MNC) di Kompleks Belia dan Sukan Batu Uban, di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Puteri UMNO Bukit Gelugor, Idamorni Zakaria dan Pegawai Eksekutif MNC, Ridzwan Shoib.

Program sehari itu bertujuan memberi pendedahan kepada orang ramai terutama pengusaha taska dan ibu bapa mengenai latihan asas menyelamatkan nyawa di rumah atau pun di mana saja.

Selain ceramah dan latihan fizikal mengenai latihan asas menyelamatkan nyawa, terdapat pameran kesihatan, temu duga terbuka untuk pengambilan pelatih jururawat dengan potongan 50 peratus yuran pendaftaran dan ujian pemeriksaan kesihatan secara percuma yang dikendalikan pelajar kolej.

Rosnah berkata, kementeriannya dimaklumkan sehingga 22 November lalu sebanyak tiga kes kematian dilaporkan di Sibul, Sarawak membabitkan seorang wanita berusia 43 tahun dan seorang lelaki, 22, dari Taman Sri Tulang, Johor Bharu dan seorang lelaki, 24, dari Lintang Maccalum, Pulau Pinang.

FAKTA NOMBOR

43,477
kes

Denggi dicatat di seluruh negara dengan 128 kematian